

Headline	Polis tumpu dua lokasi panas penagih		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Selangor & KL	Page No	30
ArticleSize	185 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,766		



Polis tumpu dua lokasi panas penagih

KUANTAN - Polis Pahang akan memberi perhatian di dua kawasan panas yang menjadi lokasi penagihan dadah dan kegiatan mencuri motosikal sempena program bandar selamat.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali berkata, lokasi yang telah dikenal pasti ialah kawasan di sekitar Tanah Putih dan bandar Kuantan di Jalan Abdul Aziz sehingga di belakang bangunan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menurutnya, kawasan seluas 46.5 hektar itu adalah antara fasa pertama dalam program berkenaan.

"Kita memilih dua kawasan ini berdasarkan tinjauan yang telah dibuat terhadap penduduk di sekitarnya yang mendakwa sering berlaku jenayah dadah dan penagihan dadah.



MOHAMAD NOOR

penagihan dadah.

"Kawasan kedua di sekitar Jalan Abdul Aziz kerana dilaporkan kerap berlaku kes ragut dan curi motosikal. Jadi pihak polis akan memasang lampu di kawasan tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohamad Noor berkata, selain pencahayaan, kemudahan pejalan kaki juga akan ditambah baik bagi mengelak orang ramai menjadi mangsa ragut.

Katanya, sebagai langkah pencegahan satu papan tanda peringatan akan dipasang di lokasi terbabit supaya orang ramai peka dengan keadaan sekeliling.

Beliau yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Program Bandar Selamat 2020 berkata, pihaknya berhasrat menjadikan bandar Kuantan selamat dan orang ramai selesa dengan persekitarannya.

Katanya, elemen rasa selamat ini penting terutama selepas Kuantan diiktiraf sebagai bandar raya dan semua perancangan sudah dilaksanakan dengan baik.